



21 MAR, 2023

Keberangkatan Agong beri impak motivasi kepada warga PDRM



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Keberangkatan Agong beri impak motivasi kepada warga PDRM

KUALA LUMPUR - Keberangkatan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang julung kali mencemar duli ke Istiadat Perbarisan Peringatan Hari Polis ke-216 pada Isnin memberikan impak besar kepada moral dan motivasi pasukan polis.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang menyifatkan keberangkatan Seri Paduka sebagai momen berharga berkata, ia mendorong warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk lebih kompeten, komitmen dan profesional, sesuai dengan tugas hakiki.

"Sambutan Hari Polis hari ini (Isnin) menjadi lebih manis dengan menerima tetamu Seri Paduka Baginda dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah. Bagi pihak seluruh keluarga besar pasukan polis, ia tentunya menjadi momen yang sangat berharga," katanya.

Beliau turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri

Acryl Sani Abdullah Sani dan warga PDRM atas perkhidmatan yang disifatkannya luar biasa.

Mengulas mengenai sumbangan enam kenderaan pacuan empat roda dan 25 kontena untuk penyimpanan barang rampasan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada PDRM, Saifuddin berkata ia merupakan inisiatif yang baik, dan beliau turut mengajak syarikat-syarikat luar untuk mencontohi inisiatif itu.

Sementara itu, Acryl Sani dalam ucapannya berkata, kemakmuran yang dinikmati hari ini adalah hasil pengorbanan pejuang-pejuang terdahulu yang telah berkorban demi memastikan kedaulatan setiap inci bumi berluar ini terpelihara.

Mengekalkan tema sambutan iaitu "Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada", beliau berkata warga PDRM sentiasa sedia berkhidmat memikul tanggungjawab bagi mengekalkan keselamatan, keamanan dan kesejahteraan masyarakat dan negara dari pelbagai ancaman jenayah, cabaran krisis kesihatan serta bencana alam. - Bernama